



اَبُو سَيِّدِي تَيْكُو لُو كِيْن مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Institut  
Pendidikan  
Berterusan &  
Pengajian Profesional

## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YANG BERBAHAGIA**

**PROFESOR DATUK TS. DR. SHAHRIN BIN SAHIB @  
SAHIBUDDIN, FASc**

**NAIB CANSELOR, UiTM**

**MAJLIS ANUGERAH GRADUASI ICEPS SESI 20242**

**18 JANUARI 2025 (SABTU)**

**DEWAN PERKIM, SEKSYEN 8  
SHAH ALAM**

**Bismillahirrahmanirrahim,**

**Alhamdulillahilahi rabbil alamin,**

**Wassolatuwassalamu ala ashrafil anbiya iwar mursolin  
waala alihi wasahbihi ajmain.**

**Terima kasih saudara dan saudari Pengacara Majlis**

- **Yang Berbahagia Profesor Datin Dr. Suzana Sulaiman**

Timbalan Naib Canselor, Akademik & Antarabangsa

- **Yang Berusaha Profesor Dr. Faizah Abd Majid**

Ketua Eksekutif, Institut Pendidikan Berterusan &  
Pengajian Profesional (iCEPS)

- Barisan Pengurusan Kanan iCEPS, Ketua-Ketua Pusat Pengajian, Staf Akademik, Staf Pentadbiran, Barisan Jawatankuasa Program, Pelajar-pelajar yang diraikan, serta para hadirin sekalian.

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam  
Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam UiTM Di  
Hatiku.**

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat-Nya, kita dapat berkumpul pada malam yang bersejarah ini dalam **Majlis Anugerah Graduasi iCEPS Sesi 20242**. Majlis ini bukan sahaja meraikan pencapaian akademik para graduan, malah melambangkan kecemerlangan sistem pendidikan dan komitmen warga iCEPS dalam memastikan kejayaan setiap pelajar.
  
2. Setinggi-tinggi ucapan tahniah dirakamkan kepada para graduan atas pencapaian yang amat membanggakan ini. Kejayaan hari ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dicapai. Ia memerlukan pengorbanan, kesungguhan, dan dedikasi yang tidak berbelah bahagi. Anda semua telah membuktikan bahawa cabaran dan halangan bukanlah penghalang untuk mencapai impian.

3. Tahniah juga kepada ibu bapa dan keluarga yang sentiasa berada di belakang para graduan, memberikan sokongan moral, kewangan, dan doa yang tidak pernah putus. Anda juga adalah pahlawan di sebalik kejayaan ini.

**Hadirin yang saya hormati,**

4. Sebagai institusi pendidikan yang unggul, UiTM dan iCEPS memainkan peranan penting dalam melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi dan berdaya saing. Dunia hari ini menuntut kebolehan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan yang pantas, dan kami amat yakin bahawa, para graduan iCEPS mempunyai ciri-ciri tersebut.

5. Kejayaan ini juga menjadi bukti kepada keberkesanan pendekatan pendidikan berterusan yang ditawarkan oleh iCEPS. Platform ini telah membuka peluang kepada ramai

untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tanpa mengira latar belakang atau usia.

6. Namun, kepada para graduan yang diraikan, ingatlah, kejayaan ini hanyalah permulaan kepada perjalanan yang lebih mencabar. Saya berharap agar anda terus membawa nama baik iCEPS dan UiTM walau di mana sahaja anda berada. Sentiasalah mengamalkan nilai integriti, profesionalisme, dan kecemerlangan dalam setiap tindakan anda. Seperti firman Allah SWT dalam **Surah Al-Ankabut, ayat 11:**

*"Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana Kami, pasti Kami akan tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar bersama orang-orang yang berbuat baik."*

7. Tahniah sekali lagi kepada semua graduan, barisan pengurusan iCEPS, para pensyarah, staf pentadbiran, dan semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan majlis ini. Moga kejayaan ini menjadi inspirasi untuk kita semua terus melangkah ke hadapan dengan lebih cemerlang.

8. Sebelum saya akhiri ucapan ini, terimalah serangkap pantun:

Walaupun hitam cantik berseri,  
Batu permata memancarkan cahaya;  
Tetapkan azam di dalam diri,  
Gigih usaha pastikan berjaya.

9. Dengan lafaz '*Bismillahirrahmanirrahim*', saya merasmikan **Majlis Anugerah Graduasi iCEPS Sesi 20242.**

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**